



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KATALOG

TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



(1985 - 2024)



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KATALOG

TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

(1985 - 2024)

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2024

Isi Kandungan

KATALOG
TERBITAN PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA
(1985 - 2024)

Prakata Ketua Pengarah

iv

Buku

Terbitan Baharu 2024	1
Ulang Cetak 2024	2

Katalog

21

Jurnal

33



Prakata

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua Katalog Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia 1985-2024 diterbitkan seperti yang dirancang. Katalog ini menyenaraikan semua terbitan PNM dari tahun 1985 sehingga tahun 2024 yang lengkap dengan ringkasan buku, ISBN/ISSN, halaman muka surat dan tahun terbitan serta harga jualan yang telah ditetapkan.

Sabtu tahun, PNM sentiasa komited menerbitkan buku ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu hasil kajian para penyelidik terhadap koleksi yang terdapat di PNM. Pada tahun 2024, PNM telah berjaya menerbitkan dua (2) buah buku kajian manuskrip Melayu hasil kajian Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif yang merupakan seorang pensyarah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dua (2) buah buku yang dihasilkan ini bertajuk Kodikologi Jawi: Prinsip dan Kaedah Memahami Budaya Manuskrip Melayu dan Ilmu Takbir Mimpi: Kajian Berteraskan Manuskrip Melayu. Buku Kodikologi Jawi memberi panduan kepada masyarakat cara untuk merujuk, memahami, mengkaji dan memanfaatkan manuskrip Melayu melalui tiga bidang ilmu iaitu filologi, paleografi dan kodikologi. Manakala buku Ilmu Takbir Mimpi pula berteraskan kajian daripada 60 buah manuskrip Melayu yang merupakan koleksi PNM dan koleksi di luar negara. Buku ini membincangkan mengenai ilmu takbir mimpi yang pernah dirakamkan, dikembangkan dan diamalkan oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu.

Penerbitan katalog secara bercetak dilihat masih relevan sebagai salah satu medium pemberitahuan dan promosi yang berkesan terutamanya kepada semua penerbit, pembekal dan pemain industri buku negara. Adalah diharapkan katalog terbitan ini dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat sama ada yang terlibat secara langsung dalam industri buku atau dalam kalangan khalayak pembaca. Semoga buku yang berkualiti tinggi terus rancak dihasilkan agar masyarakat mempunyai pilihan bahan bacaan yang lebih meluas dan matlamat untuk menghasilkan bangsa membaca bangsa yang berjaya dapat direalisasikan.

“BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA”


SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

BUKU

TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

TERBITAN BAHARU 2024



ILMU TAKBIR MIMPI: KAJIAN BERTERASKAN MANUSKRIP MELAYU


Buku ini membincangkan mengenai ilmu takbir mimpi yang pernah dirakamkan, dikembangkan dan diamalkan oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Kajian yang mengumpul beberapa aspek penting yang mendasari konsepsi, tatacara dan kaedah ilmu takbir mimpi serta mengenal pasti versi teks ilmu takbir mimpi yang bersumberkan pelbagai catatan dalam manuskrip Melayu. Ilmu takbir mimpi yang dibicarakan ini berpaksi kepada Islam sebagai asasnya yang turut mengiktiraf peranan mimpi dalam skop yang bersesuaian.

ISBN : 978-967-931-389-5

Halaman : 332

Tahun Terbit : 2024

Harga : RM74.40



KODIKOLOGI JAWI: PRINSIP DAN KAEADAH MEMAHAMI BUDAYA MANUSKRIP MELAYU

Buku ini membincangkan sejumlah asas, prinsip dan kaedah yang diperlukan bagi memahami budaya tulis dalam manuskrip Melayu yang diwarisi sekarang. Faktor perubahan masa, budaya dan persekitaran kehidupan telah mewujudkan jurang yang luas antara masyarakat pada hari ini dan manuskrip yang dihasilkan ratusan tahun yang silam dan diwarisi daripada zaman dahulu. Buku ini juga membincangkan pelbagai aspek fizikal berkaitan budaya tulis manuskrip Melayu yang berpaksikan tulisan Jawi sebagai asas untuk mengetahui, memahami dan seterusnya membolehkan penggunaan, pengurusan dan pemanfaatannya sebagai sumber ilmu oleh segenap lapisan masyarakat.


ISBN : 978-967-931-386-4

Halaman : 361

Tahun Terbit : 2024

Harga : RM97.50


ULANG CETAK 2024



PANDUAN RDA MALAYSIA EDISI KEDUA

Buku Panduan RDA Malaysia Edisi Kedua ini menyediakan pengenalan dan panduan asas kepada institusi dalam melaksanakan RDA sebagai standard baharu pengkatalogan buku. Isi kandungan buku ini telah mengambil kira kesesuaian standard pengkatalogan peringkat kebangsaan.


ISBN	:	978-967-931-302-4
Halaman	:	366
Tahun Terbit	:	2018 (Cetakan Pertama) 2024 (Cetakan Kedua)
Harga	:	RM54.38



SYAIR SITI ZUBAIDAH PERANG CHINA : PERSPEKTIF SEJARAH

Sebuah kajian yang dilakukan oleh penulis terhadap beberapa manuskrip Melayu Syair Siti Zubaidah Perang China. Syair Siti Zubaidah menceritakan keberanian seorang wanita zaman silam dalam memerangi ketidakadilan untuk menegakkan kebenaran. Fakta dan peristiwa sejarah digali oleh penulis buku ini supaya kita dapat memahami dengan sebaiknya dan menikmati keindahan karya syair ini. Penulis ialah seorang Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia.


ISBN	:	967-931-042-6
Halaman	:	602
Tahun Terbit	:	1994 (Cetakan Pertama) 2024 (Cetakan Kedua)
Harga	:	RM109.50



SUMBER HISTORIOGRAFI ALAM MELAYU: KOLEKSI PERIBADI JOHN BASTIN EDISI TERKINI

Koleksi John Bastin yang diperoleh pada tahun 1995 adalah kumpulan buku tentang alam Melayu yang amat menarik dan bernilai tinggi yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Koleksi ini mengandungi 3,071 judul yang menjadi sumber sejarah dan historiografi yang komprehensif dan amat penting sebagai satu kesatuan dalam membantu kita memahami sejarah dan tamadun alam Melayu dan juga historiografi kajian alam Melayu di seluruh dunia.


ISBN	:	978-967-931-356-7
Halaman	:	593
Tahun Terbit	:	2020 (Cetakan Pertama) 2023 (Cetakan Kedua)
Harga	:	RM82.50



PETUA MENUNTUT ILMU

Buku ini membincangkan petua dalam menuntut ilmu yang merangkumi adab, tatacara, etika dan teknik yang perlu diketahui dan diamalkan oleh setiap orang supaya memperoleh manfaat dan keberkatan yang diharapkan daripadanya. Ianya merupakan hasil kajian dan suntingan sebuah manuskrip Melayu (MSS2906B) yang berjudul Tibyan al-Maram Talibah al-Talabah.

ISBN	:	(kulit keras) 978-967-931-355-0	(kulit lembut) 978-967-931-355-0
Halaman	:	134	
Tahun Terbit	:	2020	
Harga	:	RM45.40	RM37.80



WARISAN MANUSKRIP MELAYU EDISI KEDUA: *THE LEGACY OF MALAY MANUSCRIPT* SECOND EDITION

Sejarah dan warisan budaya merupakan identiti sebuah bangsa. Para ilmuan dan agamawan Melayu yang telah menukilkan segala pengetahuan dan kebitaraan mereka mencakupi pelbagai bidang perkara ke dalam manuskrip Melayu. Edisi kedua ini diperluas dengan penambahan empat (4) rencana terbaharu daripada edisi asal yang merangkumi ilmu seksologi, kosmologi, ilustrasi dan seni binaan Melayu tradisional.

ISBN : 978-967-931-343-7

Halaman : 441

Tahun Terbit : 2019

Harga : RM172.20



SEKSOLOGI: ILMU PERKASIHAN MELAYU

Keperluan mengetahui dan memahami kelebihan dan kekurangan suami isteri bagi mewujudkan keharmonian dan kebergantungan antara satu sama lain. Seksologi atau perkasihan Melayu tradisional bersumberkan adat budaya Melayu yang menjadikan Islam sebagai kerangka asas penzahiran kasih sayang. Kandungannya meliputi makna ilmu pengasih, ilmu pembenci, ilmu guna-guna, cinta dan kasih sayang. Hasil cerapan pengetahuan daripada manuskrip Melayu.

ISBN : 978-967-931-342-0

Halaman : 411

Tahun Terbit : 2019


Harga : RM94.95



KITAB TIB: ILMU PERUBATAN MELAYU EDISI TERKINI

Kitab ini mengandungi pelbagai pembicaraan mengenai perubatan Melayu tradisional, dipetik dan disunting daripada 10 naskhah warisan Melayu dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Selain itu, karya ini juga mengambil kira teks-teks lain (sekitar 40 naskhah) dalam koleksi yang sama dan lain-lain koleksi dunia, Leiden, London, Aceh, Jakarta, Sri Lanka dan Brunei Darussalam.


ISBN	: 978-967-931-341-3
Halaman	: 440
Tahun Terbit	: 2019
Harga	: RM75.00



BUKU PUISI DALAM ZAMAN TIDAK PUITIS: POETRY IN A NON-POETIC ERA

Buku ini mengandungi himpunan puisi istimewa daripada pemuisi tempatan dan antarabangsa. Lebih bermakna, himpunan puisi ini turut dipersembahkan oleh pemuisi dalam kalangan Sasterawan Negara dan pemuisi terkemuka daripada 12 negara, antaranya Jepun, Perancis, New Zealand, Iran, Bangladesh, Brunei Darussalam, Filipina, Singapura, Thailand, Indonesia dan Vietnam termasuk Malaysia di gedung ilmu terkemuka di Kuala Lumpur, iaitu Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN	: 978-967-460-836-1
Halaman	: 135
Tahun Terbit	: 2019
Harga	: RM42.00



KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI

Buku Kaedah Pembelajaran Jawi mengupas pembelajaran Jawi bermula pada peringkat asas lagi dengan memperkenalkan kepada pembaca tentang permasalahan huruf. Kandungannya menjelaskan tentang perbezaan antara huruf Jawi dengan huruf Arab, huruf gubalan Melayu, mengenal garis duduk huruf Jawi, mengenal sifat-sifat huruf Jawi, penyambungan dan perangkaian huruf.

ISBN : 978-967-931-260-7

Halaman : 154 (Rumi)
158 (Jawi)

Tahun Terbit : 2014 (Cetakan Pertama)
2015 (Cetakan Kedua)
2018 (Cetakan Ketiga)

Harga : RM35.00



STANDARD ENTRI PENGKATALOGAN MALAYSIA: NAMA BADAN SELEMBAGA

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Badan Selembaga adalah standard yang pertama mengenai badan selembaga yang diterbitkan secara rasmi oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Standard ini dapat membantu para pustakawan dalam menentukan entri nama badan selembaga Malaysia semasa proses pendokumentasian. Ini bagi menghasilkan entri nama badan selembaga Malaysia dan fail kuasa yang seragam dan berkualiti serta dapat dikongsi dan diperakui pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

ISBN : 978-967-931-284-3

Halaman : 205

Tahun Terbit : 2018


Harga : RM16.00



STANDARD ENTRI PENGKATALOGAN MALAYSIA: NAMA ORANG PERSEORANGAN

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan merupakan panduan yang digunakan untuk menentukan entri nama orang perseorangan dalam rekod bibliografi dan juga fail kuasa pengarang orang perseorangan. Standard ini dapat membantu para pustakawan dalam menentukan entri nama orang perseorangan Malaysia semasa proses pendokumentasian, penghasilan entri nama pengarang dan fail kuasa yang seragam dan berkualiti agar dapat dikongsi dan diperakui di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


ISBN	: 978-967-931-267-6
Halaman	: 338
Tahun Terbit	: 2018
Harga	: RM16.10



PROSIDING PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2017, MENJUNJUNG WARISAN PUSAKA MENJULANG PERADABAN BANGSA: 10-12 OKT 2017

Usaha untuk mempersadakan dan menjulang semula kegembilangan intelektual dan peradaban besar bangsa Melayu ini dilihat sejajar dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri. Sejumlah 27 kertas kerja telah diterima untuk dibentangkan dalam persidangan ini. Ia mewakili korpus sains dan teknologi, kosmologi dan astrologi, ilmu perubatan Melayu, undang-undang, adab dan ketatanegaraan, sejarah, kesedaran dan kebudayaan serta seni bina.

ISBN	: 978-967-931-298-0
Halaman	: 518
Tahun Terbit	: 2017
Harga	: RM65.00



PETUA MEMBINA RUMAH MELAYU : DARI SUDUT ETNIS ANTROPOLOGI


Buku ini mengkaji tradisi pembinaan rumah masyarakat Melayu berdasarkan kepada beberapa manuskrip Melayu yang dikaji oleh pengarang. Buku ini memaparkan pengaruh adat resam, alam semesta, kepercayaan dan agama dalam pembinaan sesebuah rumah Melayu. Pengarang buku ini ialah seorang Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN : 978-967-931-095-7

Halaman : 194

Tahun Terbit : 2000 (Cetakan Pertama)
2006 (Cetakan Kedua)
2016 (Cetakan Ketiga)

Harga : RM45.00



TRAVELOG : JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN


Travelog ini adalah punca ilham yang mempengaruhi kehidupan untuk berkongsi pengalaman menerusi pengisian program galakan membaca. Panorama menarik sepanjang perjalanan menaiki *Electric Train Service* (ETS) ditambah dengan bait-bait ciptaan sajak dapat menghidupkan lagi suasana dalam perkongsian ilmu sempena program tersebut.

ISBN : 978-967-931-283-6

Halaman : 66

Tahun Terbit : 2016


Harga : RM15.00



PULO KA SATU: WARISAN SEJARAH AWAL PERSURATAN

Pulo Ka Satu: Warisan Sejarah Awal Persuratan Melayu Pulau Pinang merupakan nukilan Dr. Jelani Harun seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Intipati buku ini lebih berkisar tentang penemuan Pulau Pinang sebagai sebuah ketamadunan manusia dari dulu dan dibawa ke hari ini. Buku ini penting dalam merakam sejarah awal Pulau Pinang.

ISBN	:	978-967-931-255-3
Halaman	:	314
Tahun Terbit	:	2014
Harga	:	RM75.00



TRAVELOG PULAU BUTON

Merupakan sebuah catatan pendokumentasian manuskrip Melayu di Pulau Buton, Sulawesi Tenggara, Indonesia. Buku Travelog Pulau Buton menceritakan perjalanan kembara iaitu penulis, Faizal Hilmie Yusof bersama kembara lain menjelajai Pulau Buton yang menyimpan manuskrip Melayu sebagai salah satu warisan Melayu.

ISBN	:	978-967-931-256-0
Halaman	:	124
Tahun Terbit	:	2014
Harga	:	RM15.00

HIKAYAT HANG TUAH


Hikayat Hang Tuah merupakan transliterasi oleh YBhg. Prof. Dato' Dr Siti Hawa Salleh. Terbitnya buku ini merealisasikan hasrat Perpustakaan Negara Malaysia menyebarkan kepentingan isi kandungan kepada masyarakat umum serta mengesampingkan kesangsian masyarakat terhadap keperwiraan Laksamana Hang Tuah.




ISBN	: (kulit keras) 978-967-931-326-0	(kulit lembut) 978-967-931-246-1
Halaman	: 568	
Tahun Terbit	: 2012	
Harga	: RM140.00	RM80.00

THE LEGACY OF MALAY MANUSCRIPTS

Buku separa mewah yang diterbitkan mengenai manuskrip Melayu dalam versi Bahasa Inggeris. Mengandungi 14 bab hasil nukilan sekumpulan cendekiawan dalam bidang pengajian manuskrip Melayu dari dalam dan luar negara. Dipenuhi dengan 169 gambar manuskrip berwarna dari koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.



ISBN	: 978-967-931-243-0
Halaman	: 277
Tahun Terbit	: 2012
Harga	: RM130.00



CITRA SENI


Penerbitan buku Citra Seni sebagai salah satu usaha untuk memperkuuh dan melestarikan khazanah bangsa. Walaupun penerbitan ini tidak mencakupi berbagai bidang seni tanah air, ia harus dilihat sebagai langkah awal untuk memartabatkan beberapa bidang seni utama dengan memaparkan beberapa tokoh seni dalam seni bella diri, kraf, pelakon, muzik, penulisan, tampak dan tari. Buku ini juga menzhirkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan warga seni tanah air.

ISBN : 978-967-931-240-9

Halaman : 156

Tahun Terbit : 2011

Harga : RM35.00



TOKOH-TOKOH PERBUKUAN MALAYSIA

Buku ini mengandungi 21 bab yang menceritakan sumbangan intelek 21 tokoh perbukuan di Malaysia. Tokoh yang dipilih ialah mereka yang telah memberi sumbangan besar ke arah pembangunan dan kemajuan industri buku negara khususnya dalam bidang penerbitan, penyuntingan, pemajuan dan pemasaran buku, gerakan pembacaan dan pendidikan perbukuan. Setiap tokoh dipersembah dari segi profil, peribadi, keterlibatan dalam dunia buku, sumbangan, perjuangan serta pandangannya tentang bidang perbukuan.

ISBN : 978-967-931-219-5

Halaman : 202

Tahun Terbit : 2011

Harga : RM53.00



BUKU KANAK-KANAK DI MALAYSIA SEBAGAI WARISAN HASIL SENI


Buku ini bertujuan untuk memaparkan karya-karya seni dalam bentuk buku kanak-kanak. Buku ini dibahagikan kepada lapan bab untuk menghuraikan latar belakang pengkaryaan buku kanak-kanak di negara ini dan perkembangan semasa. Tumpuannya adalah pada pemaparan imej-imej di samping kandungannya. Oleh yang demikian, buku ini menghidangkan lebih daripada 100 bahan visual tentang buku kanak-kanak yang menunjukkan kulit buku, ilustrasi prelim, ilustrasi teks dan imej-imej grafik yang dihasilkan. Visual yang dapat dipaparkan dalam buku ini adalah daripada buku-buku yang terbit mulai 1930-an sehingga 2008. Pemaparan imej-imej visual dan analisis deskriptif tentangnya diharap dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan buku, dokumentasi bahan penerbitan serta perkhidmatan perbukuan dan juga merupakan suatu seni yang akan menjadi warisan budaya kita.

ISBN : 978-967-931-220-1

Halaman : 135

Tahun Terbit : 2008

Harga : RM60.00



PENERBITAN BIOGRAFI DI MALAYSIA

Buku ini mengangkat dan membincangkan beberapa persoalan pokok dalam penerbitan biografi di Malaysia. Jumlah judul biografi telah jauh bertambah berbanding dua dekad lalu. Kepelbagaiannya latar belakang tokoh, kemunculan ramai penulis biografi, komitmen lebih banyak penerbit, sikap masyarakat yang lebih terbuka, telah menyumbang ke arah kesuburan penulisan dan penerbitan biografi. Beberapa peluang baru terbuka luas dalam penerbitan genre ini. Ramai lagi tokoh yang belum dirakam peranan dan sumbangannya perlu ditulis dan diterbitkan biografi mereka. Dunia perfilman juga bersedia menerima manuskrip tentang tokoh yang dikenali dan besar jasanya untuk difilemkan.

ISBN : 978-967-931-189-1

Halaman : 268

Tahun Terbit : 2006

Harga : RM30.00



KAJIAN PENGGUNAAN STANDARD METADATA UNTUK SUMBER-SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN MALAYSIA


Buku ini menerangkan laporan hasil kajian penggunaan Standard Metadata di kalangan agensi-agensi kerajaan di Malaysia yang dijalankan oleh pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM).

ISBN : 978-967-931-185-0

Halaman : 149

Tahun Terbit : 2005

Harga : RM30.00



LAPORAN KAJIAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA DALAM BIDANG PERPUSTAKAAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT DI MALAYSIA

Buku ini mengandungi laporan kajian yang pertama kali dilaksanakan secara menyeluruh mengenai keperluan sumber manusia dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia. Laporan ini mengandungi tiga (3) bab, terdiri daripada Laporan A, iaitu Kajian Keperluan Sumber Manusia Dalam Bidang Perpustakaan Dan Perkhidmatan Maklumat (Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Guna Sama, Perpustakaan IPTA, Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Badan Berkunun). Laporan B, pula ialah Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat (Perpustakaan Guna Sama). Laporan C, ialah Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat (Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia). Kajian ini dijalankan secara bersama oleh Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) yang diketuai oleh Dato' Dr Zaiton binti Othman bersama Bahagian Penyelidikan Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN : 978-967-931-163-5

Halaman : 559

Tahun Terbit : 2004

Harga : RM65.00



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM : IFLA/UNESCO GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN


Buku ini adalah hasil terjemahan daripada buku *The Public Library Services: IFLA/UNESCO Guidelines For Development* oleh kumpulan kerja dipengerusikan oleh Philip Gill bagi pihak Seksyen Perpustakaan Awam IFLA/ UNESCO. Penerbitan buku ini adalah sebagai bahan rujukan dan panduan bagi mengurus tadbir perpustakaan awam oleh semua pihak yang bertanggungjawab untuk membangunkan perkhidmatan perpustakaan awam yang cekap dan berkesan.

ISBN : 978-967-931-133-3

Halaman : 125

Tahun Terbit : 2003

Harga : RM40.00



PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA, 1996


Buku ini merupakan hasil kajian yang dijalankan oleh *Frank Small and Associates* bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia mengenai profil minat membaca rakyat Malaysia. Kajian ini meliputi semua peringkat umur yang dijalankan pada tahun 1995.

ISBN : 967-931-083-3

Halaman : 274

Tahun Terbit : 1998


Harga : RM40.00



AKAYET DOWA MANO (HIKAYAT DOWA MANO)

Buku ini mengandungi kajian ringkas teks dalam tulisan Campa dan transliterasi Melayu daripada sebuah manuskrip Melayu Campa. Cerita Akayet Dowa-Mano amat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu Campa di Indo-China yang masih mempunyai pertalian budaya dengan masyarakat Melayu di Nusantara. Di kalangan masyarakat Melayu Nusantara, versi karya ini dikenali sebagai Hikayat Dewa Manu. Diterbitkan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO), Kuala Lumpur.


ISBN	:	978-967-931-089-2
Halaman	:	215
Tahun Terbit	:	1998
Harga	:	RM15.00



HIKAYAT INDERA QURAISYIN: SATU KAJIAN

Buku ini adalah hasil kajian terhadap sebuah manuskrip Melayu berjudul Hikayat Indera Quraisyin. Satu kajian yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Hikayat ini memaparkan watak seorang tuan puteri yang amat menonjol daripada segi kepimpinan, kebijaksanaan, kehandalan dankekayaan serta telah berjaya mencapai kemenangan dalam beberapa perperangan besar. Hikayat ini amatlah menarik untuk menghayati ketokohan seorang wanita. Penulis pula adalah seorang tokoh penyelidikan manuskrip Melayu berbangsa Perancis.

ISBN	:	967-931-093-0
Halaman	:	253
Tahun Terbit	:	1998
Harga	:	RM25.00



UNDANG-UNDANG MINANGKABAU: WACANA INTELEKTUAL DAN WARNA IDEOLOGI

Buku ini adalah hasil kajian oleh seorang Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia mengenai sebuah karya manuscrip Melayu dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia iaitu Undang-undang Minangkabau. Karya ini merupakan sumber rujukan yang amat penting tentang sejarah, pemikiran dan adat suku kaum Minangkabau yang masih diamalkan sehingga kini, termasuk di Malaysia.

ISBN : 978-931-065-5

Halaman : 320

Tahun Terbit : 1997

Harga : RM35.00



TRADISI PENULISAN MANUSKRIP MELAYU


Buku ini mengandungi 17 kertas kerja oleh tokoh-tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang manuscrip Melayu. Kertas-kertas kerja berkenaan telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Manuscrip Melayu yang telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia dari 3 hingga 4 Oktober 1995. Bidang perkara yang dibincangkan agak luas meliputi skrip, alat tulis, kepengarangan dan lain-lain.

ISBN : 967-931-068-X

Halaman : 283

Tahun Terbit : 1997

Harga : RM30.00



HIKAYAT AHMAD MUHAMMAD


Terbitan ini adalah hasil kajian terhadap sebuah manuskrip Melayu berjudul Hikayat Ahmad Muhammad yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (MSS 422). Hikayat ini mengisahkan tentang persahabatan di antara Ahmad dan Muhammad yang dapat memberikan teladan yang baik tentang makna persahabatan yang sebenar dan amat baik dibaca untuk pendidikan moral. Buku ini asalnya sebuah tesis M.A.

ISBN : 967-931-052-3

Halaman : 257

Tahun Terbit : 1996

Harga : RM25.00



TAJUK STANDARD AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN SABAH DAN SARAWAK


Terbitan ini bertujuan untuk membantu pengkatalog dan pengindeks menentukan tajuk standard untuk agensi-agensi kerajaan dan badan berkanun yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Terbitan ini terbahagi kepada dua seksyen. Seksyen pertama ialah senarai Sabah dan seksyen kedua ialah senarai Sarawak. Entri utama disusun mengikut abjad.

ISBN : 967-931-055-8

Halaman : 35

Tahun Terbit : 1996

Harga : RM15.00



SYAIR-SYAIR MELAYU RIAU


Karya ini merupakan satu kajian mengenai perkembangan penulisan syair di Riau. Penulisan kajian yang mendalam dilakukan terhadap beberapa karya syair agama yang ditulis di Riau khususnya Kitab al-Nikah. Karya ini juga turut diselitkan pelbagai karya Raja Ali Haji yang lain. Karya asal buku ini ialah sebuah tesis Ph.D.

ISBN : 967-931-043-4

Halaman : 372

Tahun Terbit : 1995

Harga : RM25.00



SYAIR MADHI : CITRA MELAYU NUSANTARA

Karya ini merupakan hasil penulisan terhadap beberapa manuskrip Melayu yang berjudul syair Madhi. Karya ini amat menarik dan penuh dengan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dan iktibar kepada pembacanya. Penulis ialah seorang Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN : 967-931-081-7

Halaman : 487

Tahun Terbit : 1994

Harga : RM55.00



KATALOG

TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



KATALOG KOLEKSI NADIR DAN PERIBADI, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA


Katalog ini bertujuan untuk mempromosikan Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia di samping menggalakkan penggunaan bahan berkenaan. Katalog ini mengandungi bahan-bahan yang dipamerkan dalam Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi yang berlangsung pada 4 Julai hingga 15 Ogos 2005 di Perpustakaan Negara Malaysia. Ia dikategorikan sebagai katalog koleksi terpilih kerana sebahagian sahaja daripada koleksi ini yang dipamerkan dan diterbitkan dalam bentuk katalog. Koleksi Nadir Malaysiana adalah bahan yang amat sukar diperoleh atau habis cetak dan tiada lagi dalam pasaran. Koleksi Nadir merangkumi bidang perkara seperti sejarah, pendidikan, undang-undang, kesusasteraan dan kebudayaan. Manakala Koleksi Peribadi pula merujuk kepada koleksi yang dimiliki oleh seseorang tokoh/ individu atau merupakan hasil kerja seseorang tokoh dan juga koleksi yang menjadi rujukan peribadi mereka.

ISBN : 978-931-178-3

Halaman : 200

Tahun Terbit : 2006

Harga : RM40.00



KATALOG KOLEKSI NADIR DAN PERIBADI BERANOTASI


Katalog ini merupakan kesinambungan daripada Katalog Koleksi Nadir dan Peribadi yang diterbitkan pada tahun 2006. Katalog yang bercirikan buku mewah ini merupakan satu terbitan bagi mempromosi koleksi nadir dan peribadi yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia serta menggalakkan penggunaan bahan berkenaan dalam usaha memartabatkan koleksi ini sebagai warisan negara yang perlu dipelihara dan dilestarikan ilmu yang terkandung di dalamnya kepada masyarakat kepada masyarakat. Sebanyak 110 buah buku telah dipilih dan dibuat sinopsis yang terdiri daripada pelbagai subjek perkara seperti sejarah, pendidikan, undang-undang, kemasyarakatan, kebudayaan dan lain-lain. Katalog ini ditulis dalam bahasa Melayu yang kebanyakannya koleksinya terdiri daripada tulisan Jawi dan Rumi.

ISBN : 978-967-931-231-7

Halaman : 141

Tahun Terbit : 2011

Harga : RM43.00



KATALOG KOLEKSI NADIR BERANOTASI



Katalog ini merupakan kesinambungan daripada Katalog Koleksi Nadir dan Peribadi yang diterbitkan pada tahun 2010. Katalog yang bercirikan buku mewah ini merupakan satu terbitan bagi mempromosi koleksi nadir dan peribadi yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia serta menggalakkan penggunaan bahan berkenaan dalam usaha memartabatkan koleksi ini sebagai warisan negara yang perlu dipelihara dan dilestarikan ilmu yang terkandung di dalamnya kepada masyarakat. Sebanyak 120 buah buku telah dipilih dan disediakan sinopsis yang terdiri daripada pelbagai subjek perkara seperti sejarah, pendidikan, undang-undang, kemasyarakatan, kebudayaan dan lain-lain. Katalog ini ditulis dalam bahasa Melayu yang kebanyakannya koleksinya terdiri daripada tulisan Jawi dan Rumi.

ISBN : 978-967-931-258-4

Halaman : 132

Tahun Terbit : 2014

Harga : RM43.00



KATALOG MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KATALOG MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Katalog ini memuatkan pendokumentasian tentang manuskrip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia dari tahun 1997 hingga Julai 1998. Koleksi tersebut kini tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.



ISBN : 967-931-103-1

Halaman : 119

Tahun Terbit : 2000

Harga : RM45.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN PERTAMA**

Terbitan ini memuatkan maklumat pendokumentasian tentang manuskrip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia dari Ogos 1998 hingga 1999. Sebanyak 188 naskhah manuskrip Melayu yang mengandungi 297 judul telah didokumentasikan.

ISBN	:	967-931-120-1
Halaman	:	150
Tahun Terbit	:	2001
Harga	:	RM45.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN KEDUA**

Katalog ini memuatkan maklumat pendokumentasian tentang manuskrip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia dari September 1999 hingga September 2000. Sebanyak 260 naskhah manuskrip Melayu yang mengandungi 369 judul telah didokumentasikan.

ISBN	:	967-931-129-5
Halaman	:	187
Tahun Terbit	:	2002
Harga	:	RM45.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN KETIGA**

Terbitan ini memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif manuskrip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia dari Oktober 2000 hingga September 2001. Sebanyak 136 naskhah manuskrip Melayu yang mengandungi 224 judul telah didokumentasikan. Koleksi tersebut boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN	:	967-931-146-5
Halaman	:	99
Tahun Terbit	:	2003
Harga	:	RM45.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN KEEMPAT**

Katalog ini memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif manuskrip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia pada September 2001 hingga November 2003. Sebanyak 500 naskhah manuskrip Melayu yang mengandungi 344 judul telah didokumentasikan.

ISBN	:	967-931-192-9
Halaman	:	260
Tahun Terbit	:	2006
Harga	:	RM75.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN KELIMA**

Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelima memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif bagi 717 judul manuskrip Melayu daripada 380 naskhah yang telah diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia pada Disember 2003 hingga November 2005. Manuskip dalam bahasa lain seperti bahasa Arab dan bahasa-bahasa rumpun Melayu seperti Batak dan Jawa tidak didokumenkan. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-222-5
Halaman	:	170
Tahun Terbit	:	2008
Harga	:	RM57.00

**KATALOG MANUSKRIPT MELAYU
KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA : TAMBAHAN KEENAM**

Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keenam memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif bagi 583 judul manuskrip Melayu daripada 318 naskhah yang telah diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia pada November 2005 hingga Oktober 2008. Sebilangan besar entri katalog ini adalah berkaitan bidang teologi (keagamaan) iaitu ilmu tauhid, fikah dan tasawuf serta doa-doa. Turut mengandungi entri dalam bidang perkara lain seperti

kesusasteraan dan ilmu tradisional Melayu. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-247-8
Halaman	:	192
Tahun Terbit	:	2011
Harga	:	RM45.00

KATALOG MANUSKIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA : TAMBAHAN KETUJUH

Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif bagi 332 judul manuskip Melayu daripada 187 naskhah yang telah diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia pada Oktober 2008 hingga Julai 2011. Sebilangan besar entri katalog ini adalah berkaitan bidang teologi (keagamaan) iaitu ilmu tauhid, fikah dan tasawuf. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-251-5
Halaman	:	123
Tahun Terbit	:	2012
Harga	:	RM45.00

KATALOG MANUSKIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA : TAMBAHAN KELAPAN

Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelapan memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif manuskip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia sepanjang tahun 2013 iaitu sebanyak 148 naskhah dalam pelbagai bidang dan sebahagian besarnya ialah teologi (keagamaan) iaitu ilmu tauhid, fikah dan tasawuf. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-274-4
Halaman	:	112
Tahun Terbit	:	2015
Harga	:	RM70.00

KATALOG MANUSKIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: TAMBAHAN KESEMBILAN

Katalog Manuskip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesembilan memuatkan maklumat pendokumentasian deskriptif manuskip Melayu yang diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia sepanjang tahun 2014 iaitu sebanyak 221 naskhah dalam pelbagai bidang. Kulit hadapan katalog ini menonjolkan keunikan ilustrasi dan iluminasi menarik pada naskhah al-Quran (MSS 4777). Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-280-5
Halaman	:	176
Tahun Terbit	:	2016
Harga	:	RM75.00

KATALOG MANUSKIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: TAMBAHAN KESEPULUH


Katalog ini memuatkan 179 judul manuskip Melayu daripada 106 naskhah yang telah diperoleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2015 dan 2016. Penerbitan katalog ini bertujuan untuk memudahkan para penyelidik mengesan dan merujuk manuskip Melayu yang tersimpan dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Sebilangan besar entri katalog adalah berkaitan bidang teologi (keagamaan) iaitu ilmu tauhid, fikah, tasawuf dan himpunan doa. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu.

ISBN	:	978-967-931-303-1
Halaman	:	80
Tahun Terbit	:	2018
Harga	:	RM60.00

KATALOG MANUSKIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA: TAMBAHAN KESEBELAS

Katalog ini memuatkan maklumat pendokumentasian 276 naskhah tambahan manuskip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN	:	978-967-931-367-3
Halaman	:	185
Tahun Terbit	:	2022
Harga	:	RM58.50



KATALOG MANUSKRIP MELAYU DI AFRIKA SELATAN


Di Afrika Selatan terdapat komuniti Melayu yang agak ramai, khususnya di kota Cape Town. Katalog ini memuatkan maklumat mengenai 55 naskhab manuskrip Melayu (mengandungi 74 judul) yang terdapat di Afrika Selatan. Ia merupakan hasil projek pengesanan manuskrip yang dijalankan oleh pegawai Perpustakaan Negara Malaysia.

ISBN : 967-931-091-4

Halaman : 91

Tahun Terbit : 1998

Harga : RM30.00



KATALOG PAMERAN MANUSKRIP MELAYU ANTARABANGSA


Katalog ini disediakan sempena Pameran Manuskrip Melayu: Satu Penghayatan Minda Melayu yang berlangsung di Perpustakaan Negara Malaysia pada 2 hingga 31 Oktober 1995. Katalog ini memuatkan deskripsi manuskrip terpilih sama ada yang terdapat dalam negara atau luar negara berjumlah 115 naskhab yang dipamerkan.

ISBN : 967-931-048-5

Halaman : 158

Tahun Terbit : 1995

Harga : RM10.00



KATALOG MANUSKRIP MELAYU DI LIBRARY OF CONGRESS U.S.A


Katalog ini memuatkan manuskrip yang terdapat di Library of Congress U.S.A. hasil pengesanan seorang pegawai Perpustakaan Negara Malaysia. Setiap entri mengandungi nombor manuskrip, judul, nama pengarang, tarikh dan tempat ditulis. Turut disertakan butiran terperinci yang meliputi aspek-aspek struktur, tulisan, penjilidan, sejarah, kandungan bibliografi dan catatan. Terdapat tiga (3) jenis indeks disediakan iaitu judul, indeks nama dan indeks kronologi.

ISBN : 967-931-035-3

Halaman : 48

Tahun Terbit : 1993

Harga : RM20.00



KATALOG MANUSKRIP MELAYU DI SINGAPURA


Katalog ini mengandungi maklumat tentang manuskrip Melayu yang terdapat di dua (2) institusi di Singapura hasil pengesanan pegawai Perpustakaan Negara Malaysia. Institusi-institusi tersebut ialah Perpustakaan Nasional Singapura dan Arkib Negara Singapura. Pendokumentasiannya bersifat deskriptif iaitu butiran maklumat manuskrip diberikan secara terperinci.

ISBN : 967-931-037-X

Halaman : 41

Tahun Terbit : 1993

Harga : RM20.00



MANUSKRIPT MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA : SATU KATALOG RINGKAS


Katalog ini mengandungi maklumat tentang manuskrip Melayu perolehan terawal Perpustakaan Negara Malaysia. Katalog ini mengandungi 393 judul manuskrip Melayu yang diperoleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia sehingga tahun 1986.

ISBN : 967-931-011-6

Halaman : 60

Tahun Terbit : 1987

Harga : RM8.00



KATALOG MANUSKRIPT MELAYU DI BELANDA

Katalog ini adalah sebuah katalog ringkas, disediakan hasil daripada projek pengesanan dan pendokumentasian oleh pegawai Perpustakaan Negara Malaysia di Belanda. Katalog ini penting kepada para penyelidik yang ingin mengenalpasti khazanah koleksi manuskrip Melayu yang terdapat di beberapa institusi di Belanda khususnya di Leiden.

ISBN : 967-99913-7-7


Halaman : 111

Tahun Terbit : 1985

Harga : RM10.00

JURNAL

TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



JURNAL FILOLOGI MELAYU : JILID 1 SEHINGGA JILID 30

Jurnal tahunan ini diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia khusus untuk menyebarluaskan ilmu mengenai manuskrip Melayu kepada masyarakat. Jurnal ini memuatkan artikel-artikel ilmiah yang dihasilkan oleh para tokoh dan sarjana dalam dan luar negara dalam bidang pengajian manuskrip Melayu. Artikel-artikel yang dimuatkan adalah mengenai pelbagai bidang berkaitan manuskrip Melayu.

ISSN	:	0128-6048
Halaman	:	Pelbagai mengikut jilid
Tahun Terbit	:	1992 - kini

Jilid	Tahun	Harga (RM)
1	1992	15.00
2	1993	15.00
3	1994	15.00
4	1995	15.00
5	1996	15.00
6	1997	15.00
7	1999	15.00
8	2000	15.00
9	2001	15.00
10	2002	15.00
11	2003	15.00
12	2004	15.00
13	2005	15.00
14	2006	15.00
15	2007	15.00
16	2009	15.00
17	2010	15.00
18	2011	15.00
19	2012	20.00
20	2013	20.00
21	2014	20.00
22	2015	20.00
23	2016	20.00
24	2017	20.00
25	2018	20.00
26	2019	20.00
27	2020	20.00

DAPATKAN TERBITAN PNM DI:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
Aras 12, Menara PNM, 232,
Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

WAKTU PERKHIDMATAN:

Isnin hingga Jumaat : **8.00 pagi - 4.30 petang**

Sabtu, Ahad dan Cuti Umum : **Tutup**

Bagi permohonan secara tempahan boleh terus menghubungi di talian:

No. Tel : **03-2687 1700 samb. 1763/1846**
E-mel : **penerbitan@pnm.gov.my**

NOTA:

- Perkhidmatan pos hanya bagi pesanan dari luar Lembah Kelang sahaja.
- Pemulangan buku atas sebab-sebab kerosakan hanya diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan hantaran/pembelian. Setiap pemulangan buku hendaklah disertakan dengan resit pembelian.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232, Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

03-2687 1700
webmaster@pnm.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)

[PNM_Rasmi](#)

[pnm_rasmi](#)

[pnmytube](#)

[PNMrasmi](#)

[pnmsaluransosial2](#)

[pnm_rasmi](#)